



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1995**

---

PENJELASAN MENGENAI PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN  
BIL. 7  
TAHUN 1994 BERKAITAN PERUNTUKAN JAWATAN PEMBANTU KHAS  
[PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)] DAN ELAUN-ELAUN YANG  
BERKAITAN DENGAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)

**1. TUJUAN**

1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan lanjut terhadap beberapa isu berikutan pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1994](#) (PP 7/94).

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 [PP 7/94](#) berkuatkuasa mulai 1 Oktober 1994.

2.2 Dalam melaksanakan Pekeliling tersebut, beberapa isu telah berbangkit seperti berikut:

Kedudukan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang bertugas  
(a) sebagai Pembantu Khas kepada Ketua Jabatan yang berada atas 'flexi-grade';

Kedudukan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang bertugas  
(b) sebagai Pembantu Khas kepada Ketua Jabatan yang berada di atas jawatan Khas Untuk Penyandang (KUP);

Kedudukan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang menjadi  
(c) Pembantu Khas di Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi (IPT); dan

(d) Penepatan tarikh kuatkuasa pemberian elaun.

2.3 Memandangkan isu-isu tersebut menimbulkan kekeliruan dari segi pelaksanaannya, adalah wajar penjelasan lanjut diberi melalui Surat Pekeliling ini supaya tafsiran dan tindakan yang seragam dapat dilaksana oleh semua agensi.

## 3. PENJELASAN

3.1 **Kedudukan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang bertugas sebagai Pembantu Khas kepada Ketua Jabatan yang berada di atas Jawatan 'Flexi-Gred'**

3.1.1 Pada masa ini terdapat Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang ditugaskan sebagai Pembantu Khas dan ditempatkan kepada Ketua Jabatan yang berada dalam 'flexi-gred' seperti Utama 'A'/ Utama

Turus III yang mana boleh diisi oleh Pegawai Gred Utama 'A' atau Pegawai Gred Utama Turus III.

3.1.2 Dalam keadaan di atas, gred jawatan Pembantu Khas bagi Ketua Jabatan berkenaan adalah ditetapkan pada gred terendah dalam 'flexi-gred' tersebut. Justeru itu Pembantu Khas berkenaan hendaklah ditetapkan atas Gred N7 sahaja. Walau bagaimanapun, beliau **akan di bayar elaun selaras dengan gred Ketua Jabatan berkenaan**. Ini bermakna sekiranya jawatan Ketua Jabatan berkenaan diisi oleh pegawai Gred Utama Turus III, maka Pembantu Khas Gred N7 itu akan dibayar elaun sebanyak RM125. Sebaliknya jika jawatan itu diisi oleh seorang pegawai Gred Utama 'A', maka Pembantu Khas berkenaan akan hanya dibayar elaun sebanyak RM100.

### 3.2 **Kedudukan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang bertugas sebagai Pembantu Khas kepada Ketua Jabatan yang berada di atas Jawatan KUP**

3.2.1 Terdapat juga situasi di mana Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) ditugaskan sebagai Pembantu Khas kepada Ketua Jabatan yang berada di atas satu-satu jawatan secara KUP. Sebagai contoh jika gred hakiki jawatan Ketua Jabatan berkenaan ialah Gred 1 tetapi pegawai yang mengisi jawatan itu terdiri dari gred Utama 'C' (KUP) maka Pembantu Khas yang berkenaan akan ditetapkan atas gred N9 iaitu mengikut gred hakiki jawatan Ketua Jabatan berkenaan. Walau bagaimanapun Pembantu Khas tersebut akan dibayar elaun sebanyak RM100 selaras dengan gred pegawai yang telah diberi KUP Utama 'C'.

### 3.3 Kedudukan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang menjadi Pembantu Khas di IPT

3.3.1 Secara prinsipnya jawatan-jawatan pentadbiran di IPT dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

- (i) Jawatan pentadbiran yang boleh diisi oleh anggota bukan akademik atau anggota yang terdiri dari ahli akademik seperti Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor;
- (ii) Jawatan pentadbiran yang diisi oleh anggota bukan akademik seperti Pendaftar, Bendahari, Pustakawan dan seumpamanya;
- (iii) Jawatan pentadbiran yang diisi oleh ahli akademik sahaja (samada Pensyarah Gred DS atau Pensyarah Gred DU). Ini termasuklah jawatan-jawatan seperti Dekan/Pengarah kepada Fakulti/Institut/Sekolah dan Ketua kepada Jabatan/Program serta jawatan-jawatan seumpamanya. **Menurut amalan sekarang, jawatan-jawatan secara hakiki tidak diwujudkan khusus bagi menjalankan tugas-tugas tersebut**, sebaliknya menggunakan jawatan-jawatan Pensyarah yang sedia ada di Fakulti/Jabatan dengan diberi elaun khas pentadbiran mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan.

3.3.2 Berdasarkan 3 kategori jawatan di atas, telah ditetapkan bahawa:

- (i) Jawatan Pembantu Khas, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dibekalkan kepada jawatan-jawatan di 3.3.1 (i) (ii) **mengikut peruntukan [PP 7/94](#) dan penjelasan di perenggan 3.1 dan 3.2 di atas**;
- (ii) Bagi 3.3.1 (iii), jawatan Pembantu Khas, Pembantu Tadbir

(Kesetiausahaan) hanya dibekalkan kepada jawatan Dekan/Pengarah atau yang setaraf dengannya. Manakala jawatan-jawatan seperti Ketua kepada Jabatan/Program dan yang setaraf dengannya **tidak dibekalkan** dengan jawatan Pembantu Khas [Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)]. Sekiranya pihak pengurusan IPT mendapati terdapat keperluan supaya Pembantu Khas di peruntuk kepada Ketua Jabatan/Program atau yang setaraf dengannya, maka Pembantu Khas hendaklah diambil dari kalangan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dalam jawatan kumpulan yang sedia wujud.

3.3.3 Bagi ketetapan di 3.3.2 (ii), walau apapun gred anggota yang menjadi Dekan/Pengarah, jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang menjadi Pembantu Khas kepada Dekan/Pengarah atau yang setaraf adalah ditetapkan atas Gred N9. Bagaimanapun, **dari segi pembayaran elaun sebagai Pembantu Khas**, bayaran hendaklah dibuat mengikut gred hakiki anggota yang menjadi

Dekan. Kaedah yang sama hendaklah digunakan bagi Pembantu Khas kepada Ketua Jabatan/Program dan jawatan-jawatan yang setaraf dengannya.

3.3.4 Di samping itu, terdapat juga Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di IPT yang telah berada di atas Gred N7 dan ditugaskan sebagai Pembantu Khas kepada Dekan/Pengarah atau yang setaraf. Dalam keadaan di atas, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) tersebut hendaklah dikekalkan atas Gred N7 secara KUP dan dibayar elaun Pembantu Khas mengikut gred anggota yang menjadi Dekan/Pengarah atau yang setaraf dengannya.

### 3.4 Penetapan Tarikh Kuatkuasa Pemberian Elaun Di Bawah [PP 7/94](#)

3.4.1 [PP 7/94](#) berkuatkuasa mulai 1 Oktober 1994. Oleh itu bagi kes di mana jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) telah sedia wujud, elaun tersebut bolehlah dibayar mulai tarikh kuatkuasa Pekeliling ini.


3.4.2 Bagi kes-kes yang melibatkan jawatan baru, pemberian elaun Pembantu Khas hendaklah dibayar mulai tarikh kuatkuasa waran perjawatan ataupun tarikh pengisian jawatan tersebut.

4. Rumusan kepada penetapan gred jawatan Pembantu Khas dan elaun yang layak diterima bagi kes-kes Ketua Jabatan yang berada di atas flexi-gred, KUP dan Ketua Jabatan di IPT adalah seperti di [Lampiran 'A'](#). **Walau apapun peruntukan yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini, semua urusan yang berkaitan dengan pewujudan jawatan hendaklah terlebih dahulu dirujuk ke Jabatan ini di mana berkaitan seperti yang disebut dalam [PP 7/94](#).**

5. Lain-lain peruntukan adalah berkuatkuasa seperti yang ditetapkan dalam [PP 7/94](#). Sekiranya terdapat sebarang masalah dalam melaksanakan Surat Pekeliling ini pihak tuan bolehlah merujuk kepada Jabatan ini (Bahagian Pembangunan Organisasi).

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(DATUK WIRA HJ. MOHD. ZAM BIN ABDUL WAHAB),  
*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam I,*  
*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

30hb September 1995

**Edaran Kepada:**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

**PENENTUAN GRED JAWATAN SERTA ELAUN  
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) YANG  
DITUGASKAN SEBAGAI PEMBANTU KHAS**

<i>Gred Jawatan Pegawai</i>	<i>Gred Jawatan Pembantu Khas</i>	<i>Elaun Pembantu Khas (Sebulan)</i>
<p><b>1. Bagi Jawatan Flexi-Gred</b></p> <p>(a) Pegawai Utama 'A'/Utama Turus III serta setaraf</p> <p>(b) Pegawai Gred I/Utama 'C' serta setaraf</p> <p><b>2. Bagi Jawatan KUP</b></p> <p>(a) Gred hakiki jawatan Gred Utama 'B'. Gred hakiki</p>	<p>Gred N7</p> <p>Gred N9</p> <p>Gred N7</p>	<p>RM100 (jika Pegawai Utama 'A')</p> <p>RM125 (jika Pegawai Utama Turus III)</p> <p>RM75 (jika Pegawai Gred I)</p> <p>RM100 (jika Pegawai Utama 'C')</p> <p>RM125</p>

<p>Pegawai Utama Turus III. Jawatan di KUP Turus III.</p> <p>(b) Gred hakiki jawatan ialah Gred 1. Gred hakiki pegawai adalah juga Gred I tetapi diberi KUP Utama 'C'</p>	<p>Gred N9</p>	<p>RM100</p>
<p><b>3. Bagi Ketua Jabatan Di IPT</b></p>		
<p>(a) Gred hakiki Dekan/Pengarah kepada Fakulti/Institut/ Sekolah ialah Gred 2.</p>	<p>Gred N9</p>	<p>RM75</p>
<p>(b) Gred hakiki Dekan/Pengarah kepada Fakulti/Institut/ Sekolah ialah Gred Khas C.</p>	<p>Gred N9</p>	<p>RM100</p>
<p>(c) Gred hakiki Dekan/Pengarah kepada Fakulti/Institut/ Sekolah ialah Gred 1.</p>	<p>Gred N7 (KUP) (dalam keadaan di mana Pembantu Khas telah berada di atas Gred N7)</p>	<p>RM75</p>
<p>(d) Gred hakiki Dekan/Pengarah kepada Fakulti/Institut/</p>	<p>Gred N7 (KUP) (dalam keadaan di mana Pembantu</p>	<p>RM100</p>

Sekolah ialah Gred Khas C.	Khas telah berada di atas Gred N7)	
----------------------------	---	--